



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

—  
VERSI DALAM TALIAN TEKS  
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI  
—

## Akta 30

# AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

*Sebagaimana pada 1 Mei 2019*

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI  
1971**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	...	...	...	27 April 1971
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	...	...	...	29 April 1971
Kali terakhir dipinda melalui Akta A1582 yang mula berkuat kuasa pada	...	...	...	...	...	15 Mac 2019

*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	...	...	...	...	...	1993
<i>Cetakan Semula Yang Kedua</i>	...	...	...	...	...	1999
<i>Cetakan Semula Yang Ketiga</i>	...	...	...	...	...	2006

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 30

### AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran

#### BAHAGIAN II

#### PELAJARAN TINGGI

3. Tanggungjawab Menteri
4. Kuasa Menteri untuk melantik orang atau badan untuk menyiasat
- 4A. Jawatankuasa untuk menasihati Menteri mengenai pelantikan
- 4B. Peminjaman atau perpindahan perkhidmatan pekerja Universiti oleh Menteri

#### BAHAGIAN IIA

#### PENTADBIRAN

- 4C. Pelantikan dan kewajipan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
- 4D. Pewakilan fungsi, kuasa dan kewajipan Menteri

## BAHAGIAN III

## UNIVERSITI

## Seksyen

5. Larangan tentang penubuhan Universiti
- 5A. Ketidapkakaian Akta bagi Universiti yang ditubuhkan demi kepentingan negara, dsb.
6. Memperbadankan dan menubuhkan suatu Universiti
7. Kesan Perintah Perbadanan dan kuasa am institusi pelajaran tinggi yang merupakan suatu Universiti
8. Perlembagaan Universiti
9. Universiti hendaklah mengadakan pejabat sebagai alamat penyampaian di Malaysia
10. Salinan Statut, dsb., hendaklah disimpan di pejabat Universiti
11. Bantuan wang dan akaun
12. Penubuhan Kampus Universiti
13. Pengambilan tanah bagi maksud Universiti
14. Pengecualian daripada duti harta pusaka
15. Aktiviti pelajar atau persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar
- 15A. Pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar dilarang memungut wang
- 15B. Tanggungan pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar
- 15C. (*Dipotong*)
- 15D. Peggantungan pelajar yang dipertuduh atas kesalahan boleh daftar dan perkara yang berhubungan dengan penahanan, dsb.
16. Kuasa Naib Canselor untuk menggantung atau membubarkan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar
- 16A. (*Dipotong*)
- 16B. Pihak berkuasa tatatertib mengenai pelajar Universiti
- 16C. Kaedah-kaedah tatatertib
- 16D. (*Dipotong*)
17. Perlembagaan hendaklah mengadakan perlindungan faedah di bawah skim kumpulan wang simpanan
18. Peruntukan peralihan

BAHAGIAN IV

KOLEJ UNIVERSITI

Seksyen

19. Larangan ke atas penubuhan Kolej Universiti
20. Perbadanan dan penubuhan sesuatu Kolej Universiti
21. Perlembagaan Kolej Universiti
22. Pemakaian peruntukan dalam Bahagian III kepada Bahagian ini

BAHAGIAN IVA

DAFTAR DAN PANGKALAN DATA

- 22A. Kewajipan untuk menyenggarakan daftar
- 22B. Kewajipan untuk menyenggarakan pangkalan data

BAHAGIAN V

AM

23. Kesalahan menubuhkan Universiti atau Kolej Universiti
24. Larangan tertentu terhadap “Universiti” atau “Kolej Universiti”
- 24A. Penyampaian
- 24B. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
- 24C. Perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati
- 24D. Pekhidmat awam
- 24E. Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan
25. Universiti yang sedia ada
26. Pengecualian
27. Pemansuhan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 30

### AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi menubuhkan, menyelenggara dan mentadbirkan Universiti dan Kolej Universiti dan bagi perkara lain yang berkenaan dengannya.

[*Seluruh Malaysia—30 April 1971*]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

#### Tafsiran

2. Dalam Akta ini—

“Canselor”, berhubung dengan sesuatu Universiti, ertinya Canselor Universiti itu dan termasuklah mana-mana orang lain, dengan gelaran apa jua disebut, yang dilantik sebagai Ketua sesuatu Universiti dan “Pro-Canselor” hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

“Fakulti”, berhubung dengan sesuatu Universiti, ertinya Fakulti Universiti itu dan termasuklah Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut bagi Universiti itu dan berhubung dengan Kampus Universiti termasuklah mana-mana bahagian Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut yang ditetapkan bagi Kampus itu;

“Institusi Pelajaran Tinggi” ertinya mana-mana Universiti atau Kolej Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta ini;

“Kampus”, berhubung dengan sesuatu Universiti atau Kolej Universiti, ertinya—

- (a) Kampus atau Kampus Cawangan Universiti atau Kolej Universiti itu;
- (b) Kampus sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 6(1); dan
- (c) kawasan, bersekali dengan segala bangunan atau struktur lain di atasnya, sama ada untuk selama-lamanya atau selainnya, oleh Universiti atau Kolej Universiti itu;

“kesalahan boleh daftar” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969 [*Akta 7*];

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi yang dilantik di bawah subseksyen 4c(1) dan termasuk Timbalan Ketua Pengarah yang dilantik di bawah subseksyen yang sama;

“Lembaga”, berhubung dengan sesuatu Universiti, ertinya Lembaga Pengarah Universiti itu yang ditubuhkan mengikut Perlembagaan Universiti itu;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pengajian tinggi;

“Naib Canselor”, berhubung dengan sesuatu Universiti, ertinya Naib Canselor, Presiden, Rektor atau Pengarah Universiti itu dan termasuklah mana-mana orang lain, dengan gelaran apa jua disebut,

yang dilantik sebagai ketua pegawai eksekutif Universiti itu dan “Timbalan Naib Canselor” hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

“pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar, selain pelajar di suatu institusi yang bersekutu dengan Universiti atau Kolej Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, praibazah, lepas ijazah atau lepas kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau dari Universiti atau Kolej Universiti itu, dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah;

“Pelajaran tinggi” termasuklah pelajaran Universiti dan Kolej Universiti;

“pelajaran Universiti atau Kolej Universiti” ertinya pelajaran yang diadakan oleh Universiti atau Kolej Universiti pada peringkat persediaan, praibazah, lepas ijazah atau lepas kedoktoran dan termasuklah penyelidikan dan pembangunan pelajaran dan pengkomersialan penyelidikan dan pembangunan itu;

“Perlembagaan”, berhubung dengan sesuatu Universiti, ertinya Perlembagaan Universiti itu yang secara substansialnya adalah dalam bentuk yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

“Senat”, berhubung dengan sesuatu Universiti, ertinya Senat bagi Universiti itu;

“Universiti” atau “Kolej Universiti” masing-masing ertinya suatu institusi pelajaran tinggi bertaraf Universiti atau Kolej Universiti.

## BAHAGIAN II

### PELAJARAN TINGGI

#### **Tanggungjawab Menteri**

3. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Menteri bertanggungjawab bagi pengarah am pelajaran tinggi dan pentadbiran Akta ini yang

hendaklah selaras dengan dasar, strategi dan garis panduan kebangsaan mengenai pendidikan tinggi yang dibentuk atau yang ditentukan oleh suatu pihak berkuasa yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi maksud itu.

### **Kuasa Menteri untuk melantik orang atau badan untuk menyiasat**

**4.** Bagi maksud membolehkan Menteri menjalankan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan terhadap pelajaran tinggi dan pentadbiran Akta ini, Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melantik mana-mana orang atau badan bagi menyiasat apa-apa kegiatan atau pentadbiran mana-mana institusi pelajaran tinggi dan melaporkan kepadanya keputusan penyiasatan itu serta syor yang berhubungannya dengannya.

### **Jawatankuasa untuk menasihati Menteri mengenai pelantikan**

**4A.** Bagi maksud memilih orang yang layak dan sesuai bagi jawatan Naib Canselor atau bagi mana-mana jawatan lain yang Menteri mempunyai kuasa untuk melantik di bawah Akta ini, Menteri hendaklah, dari semasa ke semasa, melantik suatu jawatankuasa untuk menasihatnya mengenai pelantikan itu.

### **Peminjaman atau perpindahan perkhidmatan pekerja Universiti oleh Menteri**

**4B.** (1) Jika atas permohonan suatu Universiti, pihak berkuasa berkanun atau pertubuhan yang memohon, Menteri berpuas hati bahawa demi kepentingan pelajaran tinggi atau bagi menggalakkan penyelidikan dan pembangunan pelajaran, adalah suai manfaat untuk meminjamkan atau memindahkan seseorang pekerja Universiti kepada perkhidmatan Universiti, pihak berkuasa berkanun atau pertubuhan yang memohon di dalam Malaysia, Menteri boleh, dengan persetujuan pekerja itu, mengeluarkan arahan bagi peminjaman atau perpindahan pekerja Universiti itu kepada perkhidmatan Universiti, pihak berkuasa berkanun atau pertubuhan yang memohon itu, dan adalah menjadi kewajipan Universiti pekerja tersebut untuk melaksanakan arahan itu sama ada atau tidak Universiti itu bersetuju dengan peminjaman atau perpindahan itu.

(2) Apa-apa tuntutan bagi pampasan yang berbangkit daripada peminjaman atau perpindahan seseorang pekerja Universiti menurut subseksyen (1) hendaklah dibayar oleh Universiti, pihak berkuasa berkanun atau pertubuhan yang memohon sama ada dibayar mengikut apa-apa perkiraan yang dipersetujui dengan Universiti pekerja tersebut atau selainnya.

## BAHAGIAN IIA

### PENTADBIRAN

#### **Pelantikan dan kewajipan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi**

**4c.** (1) Menteri hendaklah melantik seorang Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi dan apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah hendaklah menasihati Menteri mengenai perkara yang berkaitan dengan pendidikan tinggi.

(3) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai fungsi dan menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Akta ini tertakluk kepada arahan dan kawalan am Menteri dan Ketua Pengarah hendaklah melaksanakan apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Menteri.

(4) Semasa ketiadaan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah boleh menjalankan fungsi dan kuasanya.

#### **Pewakilan fungsi, kuasa dan kewajipan Menteri**

**4d.** (1) Kecuali kuasa di bawah seksyen 4, 4A, 4B, 4C dan 12, Menteri boleh mewakilkan secara bertulis apa-apa fungsi, kuasa atau kewajipannya kepada Ketua Pengarah.

(2) Apa-apa fungsi, kuasa atau kewajipan yang diwakilkan di bawah subseksyen (1) hendaklah dilaksanakan, dijalankan atau ditunaikan oleh Ketua Pengarah atas nama dan bagi pihak Menteri.

(3) Ketua Pengarah yang kepadanya apa-apa fungsi, kuasa atau kewajipan diwakilkan di bawah subseksyen (1) adalah terikat untuk

menuruti dan mematuhi semua syarat, had atau sekatan yang dikenakan oleh Menteri.

(4) Perwakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Menteri daripada menunaikan apa-apa fungsi, kuasa atau kewajipan yang diwakilkan sedemikian pada bila-bila masa.

(5) Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan perwakilan yang dibuat di bawah seksyen ini.

### BAHAGIAN III

#### UNIVERSITI

#### **Larangan tentang penubuhan Universiti**

5. Tertakluk kepada seksyen 5A, tiada institusi pelajaran tinggi bertaraf Universiti boleh ditubuhkan kecuali mengikut peruntukan Akta ini atau Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*].

#### **Ketidakpakaian Akta bagi Universiti yang ditubuhkan demi kepentingan negara, dsb.**

5A. (1) Peruntukan Akta ini tidak terpakai bagi sesuatu institusi pelajaran tinggi yang bertaraf Universiti yang dibenarkan ditubuhkan di bawah suatu perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah subseksyen (2) dan mana-mana institusi pelajaran tinggi swasta yang diberi taraf Universiti atau Kolej Universiti di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membenarkan penubuhan mana-mana institusi pelajaran tinggi yang bertaraf Universiti, apa jua nama atau gelarannya, jika dia berpuas hati bahawa adalah suai manfaat demi kepentingan negara institusi pelajaran tinggi sedemikian ditubuhkan.

### **Memperbadankan dan menubuhkan suatu Universiti**

6. (1) Jika, Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suai manfaat demi kepentingan negara supaya suatu Universiti ditubuhkan dia boleh dengan perintah—

- (a) mengisytiharkan ditubuhkan suatu institusi pelajaran tinggi yang mempunyai taraf Universiti yang menjadi suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pelajaran tinggi dalam semua cawangan pelajaran mengikut sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu;
- (b) memberikan nama dan gelaran kepada Universiti itu; dan
- (c) menetapkan letaknya tapak tempat Universiti itu akan didirikan.

(1A) Yang di-Pertuan Agong boleh meminda, mengubah atau membatalkan sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) melalui suatu perintah yang kemudian yang disiarkan dalam *Warta*.

(2) Sesuatu Perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) (kemudian daripada ini disebut “Perintah Perbadanan”) atau (1A) hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat kedua-dua Majlis Parlimen yang akan datang.

### **Kesan Perintah Perbadanan dan kuasa am institusi pelajaran tinggi yang merupakan suatu Universiti**

7. (1) Apabila Perintah Perbadanan yang dibuat di bawah seksyen 6 mula berkuat kuasa, suatu institusi pelajaran tinggi yang mempunyai taraf Universiti, dengan nama dan gelaran yang diberikan kepadanya oleh Perintah itu, hendaklah disifatkan sebagai telah ditubuhkan, dan dengan namanya itu Canselor, Naib Canselor dan ahli pada masa itu bagi Lembaga dan Senat hendaklah disifatkan menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan dengan kuasa penuh, menurut dan atas namanya itu—

- (a) untuk membawa guaman dan dibawa guaman dalam semua mahkamah;
- (b) untuk memiliki dan menggunakan suatu meterai perbadanan dan mengubah meterai itu mengikut kehendaknya;
- (c) untuk membeli apa-apa harta alih atau harta tak alih dan mengambil, menerima dan memegang apa-apa harta yang terletak hak padanya oleh sebab sesuatu pembelian itu atau menurut apa-apa pemberian atau derma, pajakan, subsidi, legasi, pemberian berwasiat atau selainnya;
- (d) untuk menjual, memajakkan, menukar atau pun selainnya melupuskan mana-mana harta itu dengan apa-apa cara yang tidak berlawanan dengan apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Perlembagaan; dan
- (e) untuk menjalankan, menyempurnakan dan melaksanakan semua kuasa, kewajipan dan fungsi yang diberikan atau ditanggungkan ke atas Universiti itu oleh Akta ini atau Perlembagaan.

(2) Kuasa yang diberikan kepada sesuatu Universiti oleh subseksyen (1) hendaklah dijalankan oleh Lembaga melainkan jika selainnya diperuntukkan oleh Akta ini atau Perlembagaan.

### **Perlembagaan Universiti**

**8.** (1) Perlembagaan sesuatu Universiti hendaklah mengandungi peruntukan bagi semua perkara yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta ini.

(2) Jika pada bila-bila masa Perlembagaan sesuatu Universiti tidak mengandungi peruntukan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta ini, Lembaga hendaklah mengambil langkah yang perlu bagi mengadakan peruntukan tersebut atau membuang peruntukan yang berlawanan dalam Perlembagaan itu.

(3) Dengan tidak menyentuh subseksyen (2), Yang di-Pertuan Agong boleh, pada bila-bila masa, meminda Perlembagaan sesuatu Universiti supaya sesuai dengan peruntukan dalam Jadual Pertama kepada Akta ini.

(4) Peruntukan Perlembagaan itu hendaklah berkuat kuasa dari tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan hendaklah mempunyai kuat kuasa undang-undang dalam Malaysia.

(5) Apa-apa perkara yang dilakukan atau apa-apa pelantikan yang dibuat untuk dan bagi pihak Universiti sebelum tarikh Perlembagaan itu mula berkuat kuasa hendaklah, pada dan selepas tarikh itu, disifatkan sebagai telah dibuat untuk, oleh atau bagi pihak Universiti itu.

**Universiti hendaklah mengadakan pejabat sebagai alamat penyampaian di Malaysia**

9. (1) Setiap Universiti hendaklah mengadakan dan menyelenggara suatu pejabat yang terletak dalam Malaysia, dan pejabat itu menjadi alamat penyampaian bagi Universiti untuk segala writ, surat tuntutan, notis, surat guaman, perintah, saman, waran atau segala jenis langkah prosiding dan perhubungan bertulis yang lain.

(2) Segala writ, surat tuntutan, notis, surat guaman, perintah, saman, waran atau prosiding lain atau perhubungan bertulis lain, jika ditinggalkan di pejabat yang diadakan dan diselenggara di bawah subseksyen (1), hendaklah disifatkan dalam segala prosiding dalam mana-mana Mahkamah di Malaysia sebagai telah disampaikan atau diserahkan dengan sepenuhnya pada sesuatu Universiti atau mana-mana pegawai atau pihak berkuasa yang kepadanya ia telah dialamatkan.

**Salinan Statut, dsb., hendaklah disimpan di pejabat Universiti**

10. Setiap Universiti hendaklah menyimpan di pejabat yang disebut dalam seksyen 9 suatu salinan setiap Statut, Kaedah, Peraturan atau suratan lain semasa yang dikehendaki disiarkan di bawah Akta ini atau Perlembagaan, dan salinan itu hendaklah sentiasa boleh didapati pada setiap masa yang munasabah untuk diperiksa oleh orang awam dan jika

mana-mana buku atau salinan suratan dikehendaki oleh Akta ini atau Perlembagaan supaya diadakan untuk dibeli oleh orang awam, buku atau salinan itu hendaklah sentiasa diadakan untuk dibeli di pejabat itu atau di sesuatu tempat lain di Malaysia sebagaimana yang difikirkan patut oleh Universiti.

### **Bantuan wang dan akaun**

**11.** (1) Parlimen boleh dari semasa ke semasa memberikan bantuan wang kepada sesuatu Universiti.

(2) Semua wang yang dibayar kepada sesuatu Universiti di bawah subseksyen (1) hendaklah digunakan atau dibelanjakan oleh Universiti itu bagi semua atau mana-mana daripada maksud Universiti itu mengikut anggaran yang diluluskan di bawah peruntukan Perlembagaan:

Dengan syarat bahawa mana-mana wang yang diperuntukkan itu dan tidak digunakan bagi maksud perbelanjaan ulang tahunan Universiti itu boleh, dengan kelulusan Menteri, digunakan bagi perbelanjaan modal.

(3) Satu salinan akaun Universiti bagi setiap satu tahun kewangan hendaklah disediakan dan dihantar untuk diaudit sebelum 30 Julai selepas sahaja tahun kewangan itu; dan akaun itu serta laporan juruaudit hendaklah dihantar kepada Menteri.

(4) Menteri hendaklah menyebabkan supaya suatu salinan akaun Universiti itu yang telah diaudit dibentangkan dalam kedua-dua Majlis Parlimen.

### **Penubuhan Kampus Universiti**

**12.** (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* (kemudian daripada ini disebut "Perintah Kampus")—

- (a) menubuhkan suatu Kampus Universiti di dalam atau di luar Malaysia;
- (b) memberikan nama atau gelaran yang sesuai bagi Kampus itu;
- (c) menentukan tapak atau tempat Kampus itu, yang menjadi tapak atau tempat yang hendaklah menjadi tambahan kepada Kampus tempat Universiti itu didirikan; dan
- (d) menetapkan apa-apa perkara lain sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi melaksanakan Perintah Kampus itu.

(2) Menteri boleh meminda, mengubah atau membatalkan sesuatu Perintah Kampus melalui suatu perintah yang kemudian yang disiarkan dalam *Warta*.

(3) Jika mana-mana kawasan dikehendaki untuk digunakan oleh Universiti secara sementara bagi apa-apa maksud, Naib Canselor boleh, dengan keizinan Lembaga, meluluskan penggunaan kawasan itu bagi maksud itu oleh Universiti itu bagi apa-apa tempoh yang disifatkannya perlu, dan peruntukan Akta ini, Perlembagaan, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti hendaklah terpakai bagi kawasan itu sebagaimana yang Perlembagaan, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti itu terpakai bagi suatu Kampus.

### **Pengambilan tanah bagi maksud Universiti**

**13.** (1) Apabila apa-apa harta tak alih yang bukan tanah Kerajaan atau tanah rizab atau tanah yang terletak hak pada sesuatu Negeri atau pada Persekutuan atau tidak diduduki atau digunakan oleh Persekutuan atau pihak berkuasa awam bagi maksud Persekutuan dikehendaki bagi maksud Universiti dan tidak dapat diperoleh dengan cara persetujuan, harta itu boleh diperoleh mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengambilan tanah bagi sesuatu maksud awam, yang pada masa itu berkuat kuasa di Negeri tempat harta itu terletak, dan apa-apa akuan yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis itu yang menyatakan bahawa tanah itu dikehendaki sedemikian itu boleh dibuat walaupun

pampasan akan dibayar dari wang Universiti, dan akuan itu hendaklah berkuat kuasa seolah-olah ia suatu akuan bahawa tanah itu dikehendaki bagi suatu maksud awam dan dibuat mengikut undang-undang bertulis itu.

(2) Perbelanjaan dan pampasan mengenai mana-mana harta tak alih yang diperoleh di bawah subseksyen (1) hendaklah dibayar oleh Universiti.

(3) Semua harta tak alih yang diperoleh di bawah seksyen ini hendaklah terletak hak pada Universiti dan suatu catatan yang bermaksud demikian itu hendaklah dibuat dalam daftar yang berkenaan oleh pihak berkuasa pendaftaran yang berkenaan.

### **Pengecualian daripada duti harta pusaka**

**14.** Tiada duti harta pusaka kena dibayar bagi apa-apa jumlah pemberian wasiat kepada sesuatu Universiti, dan nilai harta yang berpindah apabila mati seseorang hendaklah disifatkan sebagai tidak termasuk jumlah pemberian wasiat itu bagi maksud menetapkan kadar duti harta pusaka.

### **Aktiviti pelajar atau persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar**

**15.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang pelajar Universiti boleh menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, termasuk mana-mana parti politik.

(2) Seseorang pelajar Universiti tidak boleh—

- (a) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau
- (b) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, yang bukannya suatu parti politik, yang

ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.

(c) *(Dipotong oleh Akta A1582).*

(3) Seseorang pelajar Universiti dan mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Perlembagaan, tidak boleh menyatakan atau melakukan apa-apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan atau bantangan terhadap—

(a) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau

(b) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), seseorang pelajar Universiti tidak boleh dihalang daripada—

(a) membuat pernyataan mengenai sesuatu perkara akademik yang berhubungan dengan perkara yang pelajar itu terlibat dalam pengajian atau penyelidikannya; atau

(b) menyatakan pendirian mengenai perkara yang disebut dalam perenggan (a) dalam sesuatu seminar, simposium atau majlis seumpamanya yang tidak dianjurkan atau ditaja oleh mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, atau mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga di bawah perenggan (3)(b) sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.

(5) Universiti hendaklah mengawal selia aktiviti pelajar dan persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti di dalam Kampus.

**Pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar dilarang memungut wang**

**15A.** (1) Tiada seseorang pelajar Universiti, atau sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti, boleh, di dalam atau di luar Kampus, atau di dalam atau di luar Malaysia, memungut atau cuba memungut, atau menganjurkan atau cuba menganjurkan apa-apa pemungutan, atau membuat apa-apa rayuan secara lisan atau secara bertulis atau selainnya atau cuba membuat sesuatu rayuan itu untuk, apa-apa wang atau harta lain daripada sesiapa jua, iaitu bukan wang atau harta yang genap atau hampir genap masanya diperolehi di bawah atau menurut mana-mana undang-undang bertulis, kontrak atau kewajipan lain di sisi undang-undang.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(3) Naib Canselor boleh, dalam mana-mana hal tertentu, memberikan pengecualian kepada mana-mana orang daripada pemakaian subseksyen (1), tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(4) *(Dipotong oleh Akta A1342).*

(5) Peruntukan seksyen ini tambahan kepada dan tidak mengurangkan kuasa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pungutan rumah ke rumah dan di jalan, pungutan awam, atau pungutan wang atau jualan lencana.

**Tanggungan pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar**

**15B.** Jika suatu kesalahan boleh daftar telah dilakukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan kesalahan itu telah dilakukan atau

berupa sebagai telah dilakukan atas nama atau bagi pihak mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Perlembagaan, tiap-tiap orang yang disabitkan atas kesalahan itu boleh dikenakan tindakan tatatertib dan pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar itu hendaklah diuruskan mengikut seksyen 16.

**15c.** (*Dipotong oleh Akta A1342*).

**Penggantungan pelajar yang dipertuduh atas kesalahan boleh daftar dan perkara yang berhubungan dengan penahanan, dsb.**

**15d.** (1) Jika seseorang pelajar Universiti dipertuduh atas suatu kesalahan boleh daftar—

(a) dia boleh, mengikut budi bicara Naib Canselor, digantung daripada menjadi seorang pelajar; dan

(b) jika digantung sedemikian, dia tidak boleh semasa prosiding jenayah belum selesai, berada dalam atau memasuki Kampus.

(2) Jika seseorang pelajar Universiti yang dipertuduh atas suatu kesalahan boleh daftar di bawah subseksyen (1) disabitkan atas kesalahan itu, pelajar itu boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(3) Jika seseorang pelajar Universiti ditahan atau tertakluk kepada apa-apa perintah yang mengenakan sekatan ke atasnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri, pelajar itu boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(4) Seseorang pelajar Universiti yang ditahan atau tertakluk kepada apa-apa perintah yang mengenakan sekatan ke atasnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri, atau dipenjarakan atau ditahan bagi apa-apa jua sebab, boleh, dengan persetujuan Senat, dibenarkan untuk menduduki peperiksaan Universiti itu tertakluk kepada apa-apa perintah yang dibuat atau kelulusan yang diberikan

oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri atau mana-mana pihak berkuasa berwibawa lain, mengikut kehendak keadaan.

(5) Seseorang pelajar Universiti yang digantung daripada menjadi pelajar Universiti itu di bawah subseksyen (1) boleh, semasa dia digantung sedemikian, diterima masuk sebagai pelajar mana-mana Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta ini dengan kelulusan bertulis Menteri, dan jika Menteri memberikan kelulusan itu, Menteri boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(6) Seseorang pelajar Universiti yang terhenti menjadi seorang pelajar di bawah Akta ini boleh diterima masuk sebagai pelajar Universiti itu atau mana-mana Universiti lain yang ditubuhkan di bawah Akta ini dengan kelulusan bertulis Menteri, dan jika Menteri memberikan kelulusan itu, Menteri boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(7) Jika penentuan mana-mana permohonan, rayuan atau prosiding lain oleh mahkamah berkenaan dengan mana-mana prosiding jenayah terhadap seseorang pelajar Universiti bagi suatu kesalahan boleh daftar, berkeputusan dengan pelepasan atau pembebasannya, pelajar itu, jika digantung daripada Universiti atau telah menjalani apa-apa tempoh pemenjaraan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dibenarkan untuk menyambung semula pengajiannya di Universiti itu dan tempoh penggantungan atau pemenjaraan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh diambil kira dalam mengira tempoh maksimum yang dibenarkan untuk menyempurnakan kursus pengajian dan dalam pengiraan keputusannya.

(8) Jika penentuan mana-mana permohonan, petisyen, rayuan atau prosiding lain oleh mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa berwibawa berkenaan dengan perintah tahanan terhadap atau perintah yang mengenakan sekatan ke atas seseorang pelajar Universiti di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri, berkeputusan dengan pelepasannya atau sekatan yang dikenakan ke atasnya dibatalkan, pelajar itu hendaklah dibenarkan untuk menyambung semula pengajiannya di Universiti itu dan tempoh tahanan dan sekatan yang dia tertakluk kepadanya tidak boleh diambil kira dalam mengira

tempoh maksimum yang dibenarkan untuk menyempurnakan kursus pengajian dan dalam pengiraan keputusannya.

**Kuasa Naib Canselor untuk menggantung atau membubarkan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar**

**16.** (1) Jika mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti menjalankan urusannya dengan cara yang, pada pendapat Naib Canselor, boleh merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan atau kesentosaan Universiti, atau kepada kepentingan atau kesentosaan mana-mana daripada pelajar atau pekerja Universiti, atau kepada ketenteraman atau keselamatan awam, atau jika mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan itu melanggar mana-mana undang-undang bertulis, Naib Canselor boleh, selepas memberikan pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti itu suatu peluang untuk membuat representasi bertulis, menggantung atau membubarkan pertubuhan, badan atau kumpulan itu.

(2) Mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang terkilan dengan penggantungan atau pembubaran yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh, dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan notis penggantungan atau pembubaran itu, merayu secara bertulis kepada Menteri.

**16A.** *(Dipotong oleh Akta A1342).*

**Pihak berkuasa tata tertib mengenai pelajar Universiti**

**16B.** (1) Pihak berkuasa tata tertib Universiti berkenaan dengan tiap-tiap pelajar Universiti ialah Naib Canselor.

(2) Naib Canselor yang menjadi pihak berkuasa tata tertib di bawah subseksyen (1) mempunyai kuasa untuk mengambil apa-apa tindakan tata tertib dan mengenakan apa-apa hukuman tata tertib sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana kaedah tata tertib yang mungkin dibuat oleh Lembaga di bawah seksyen 16c.

(3) Naib Canselor boleh mewakilkan fungsi, kuasa atau kewajipan tata tertibnya kepada mana-mana Timbalan Naib Canselor, pekerja

Universiti, atau jawatankuasa pekerja Universiti, berkenaan dengan mana-mana pelajar tertentu atau mana-mana golongan atau kategori pelajar Universiti.

(3A) Naib Canselor, atau Timbalan Naib Canselor, pekerja atau jawatankuasa pekerja yang diwakilkan dengan fungsi, kuasa atau kewajipan di bawah subseksyen (3), hendaklah memaklumkan pelajar itu secara bertulis alasan bagi tindakan tatatertib yang dicadangkan diambil terhadapnya dan hendaklah memberikannya peluang yang munasabah untuk didengar.

(3B) Seseorang pelajar Universiti hendaklah mempunyai hak untuk diwakili oleh seseorang pekerja atau pelajar lain Universiti itu dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadapnya.

(3C) Seseorang pelajar Universiti hendaklah dibenarkan untuk membuat representasi bertulis atau lisan dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadapnya.

(3D) Keputusan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pekerja atau jawatankuasa pekerja, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadap seseorang pelajar Universiti hendaklah disampaikan secara bertulis kepada pelajar itu dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusan itu.

(4) Mana-mana pelajar Universiti yang tidak berpuas hati dengan keputusan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pekerja atau jawatankuasa pekerja, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah subseksyen (3D) boleh, dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan keputusan itu, mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subseksyen (5).

(5) Lembaga hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pelajar di bawah subseksyen (4).

(6) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar hendaklah terdiri daripada tiga orang ahli yang hendaklah dilantik oleh Lembaga, dua

orang daripadanya hendaklah daripada kalangan ahlinya dan seorang lagi daripada Universiti.

(7) Lembaga hendaklah melantik mana-mana ahlinya yang disebut dalam subseksyen (5) untuk menjadi pengerusi Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.

(8) Tiada seorang pun yang telah menjalankan kuasa di bawah subseksyen (2) atau (3) boleh menjadi ahli Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.

(9) (*Dipotong oleh Akta A1433*).

(10) Seseorang pelajar Universiti yang mengemukakan rayuan di bawah subseksyen (4) hendaklah dibenarkan untuk membuat representasi bertulis dalam mana-mana prosiding di hadapan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.

(11) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar yang mendengar suatu rayuan di bawah subseksyen (5) hendaklah memutuskan rayuan itu dalam masa enam puluh hari dari tarikh penerimaan rayuan.

(12) Keputusan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar mengenai sesuatu rayuan hendaklah disampaikan secara bertulis kepada pelajar itu dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusannya.

### **Kaedah-kaedah tatatertib**

**16c.** (1) Lembaga mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa kaedah tatatertib sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk mengadakan peruntukan mengenai tatatertib bagi pelajar Universiti; kaedah-kaedah tatatertib yang dibuat di bawah subseksyen ini hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(2) Kaedah-kaedah tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini boleh termasuk peruntukan bagi penggantungan seseorang pelajar Universiti semasa prosiding tatatertib belum selesai.

(3) Kaedah-kaedah tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mewujudkan apa-apa kesalahan tatatertib dan mengadakan

peruntukan bagi apa-apa hukuman tatatertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pembuangan pelajar daripada Universiti.

(4) Kaedah-kaedah tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah menetapkan tatacara bagi prosiding tatatertib dan prosiding rayuan tatatertib.

(5) Kekhususan perkara yang disebut dalam subseksyen (2), (3) dan (4) adalah tanpa menyentuh keluasan kuasa Lembaga di bawah subseksyen (1).

**16D.** (*Dipotong oleh Akta A1342*).

**Perlembagaan hendaklah mengadakan perlindungan faedah di bawah skim kumpulan wang simpanan**

**17.** Perlembagaan boleh menubuhkan suatu skim kumpulan wang simpanan bagi pekerjaanya dan peruntukan yang berikut hendaklah terpakai bagi sesuatu skim simpanan itu—

(a) tiada apa-apa insurans atas nyawa seseorang pencarum di bawah sesuatu skim simpanan dan juga tiada apa-apa wang atau faedah lain yang diterima di bawah insurans itu atau dengan apa-apa cara lain di bawah sesuatu skim itu boleh diambil untuk menjelaskan apa-apa jua hutang atau tuntutan terhadap pencarum atau hartanya, ataupun digarnis, ditahan, diasingkan atau dilevi bagi maksud demikian itu melainkan jika Universiti, menurut budi bicaranya, telah menyerahhakkan insurans, wang atau faedah lain kepada pencarum itu untuk kegunaan dan faedah mutlaknya atau, jika sekiranya pencarum itu mati, kepada wakil dirinya di sisi undang-undang;

(b) tertakluk kepada apa-apa amanah atau kuasa budi bicara tentang penggunaannya yang diberikan oleh mana-mana Akta atau kaedah yang berhubungan dengan skim simpanan kepada Universiti atau orang lain yang mentadbirkan skim simpanan itu, semua wang dan faedah

yang terbit daripada mana-mana skim simpanan itu hendaklah disifatkan sebagai teramanah untuk orang yang berhak kepadanya mengikut wasiat pencharum yang mati atau apabila pencharum itu mati tidak berwasiat;

- (c) tiada apa-apa derma atau caruman kepada sesuatu kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah suatu skim simpanan atau apa-apa bunga atas derma atau caruman itu boleh diserahkan atau ditahan, diasingkan atau dilevi bagi atau tentang apa-apa jua hutang atau tuntutan melainkan hutang yang kena dibayar kepada Universiti;
- (d) tiada apa-apa derma atau caruman atau bunga boleh tertakluk kepada hutang pencharum dan juga tiada apa-apa derma, caruman atau bunga itu boleh berpindah kepada Ketua Pengarah Insolvensi apabila pencharum menjadi bankrap, akan tetapi jika pencharum dihukum menjadi seorang bankrap atau diisytiharkan sebagai tidak berkemampuan menurut hukuman Mahkamah, derma atau caruman atau bunga itu hendaklah, tertakluk kepada peruntukan Akta ini dan Perlembagaan dan mana-mana Akta atau kaedah-kaedah yang berhubungan dengan skim simpanan, disifatkan sebagai teramanah untuk orang yang berhak kepadanya apabila pencharum mati;
- (e) kebangkrapan seseorang pencharum tidak menghalang potongan yang dibuat daripada gaji pencharum mengikut mana-mana Akta atau kaedah yang berhubungan dengan skim simpanan tetapi sebaliknya potongan itu hendaklah terus dibuat walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, dan bahagian gaji yang dipotong itu tidak boleh disifatkan sebagai sebahagian daripada hartanya yang diperoleh kemudian;
- (f) tertakluk kepada peruntukan mana-mana Akta atau kaedah-kaedah yang berhubungan dengan skim simpanan segala wang yang kena dibayar atau yang dibayar dari mana-mana kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah skim simpanan apabila mati seseorang pencharum hendaklah disifatkan

sebagai teramanah untuk orang yang berhak kepadanya mengikut wasiat pencarum yang mati itu atau apabila pencarum itu mati tidak berwasiat, atau mengikut penamaan dalam borang yang ditetapkan di bawah skim itu, akan tetapi tidak boleh disifatkan sebagai sebahagian daripada harta pusaka pencarum itu atau tidak boleh digunakan untuk membayar hutangnya.

### **Peruntukan peralihan**

**18.** Yang di-Pertuan Agong boleh, mengenai Perlembagaan, mengadakan apa-apa peruntukan peralihan sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat bagi maksud mencapai tujuan Universiti.

## **BAHAGIAN IV**

### **KOLEJ UNIVERSITI**

### **Larangan ke atas penubuhan Kolej Universiti**

**19.** Tiada sesuatu institusi pelajaran tinggi bertaraf Kolej Universiti boleh ditubuhkan kecuali mengikut peruntukan Akta ini atau Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

### **Perbadanan dan penubuhan sesuatu Kolej Universiti**

**20.** (1) Jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suai manfaat demi kepentingan negara supaya suatu Kolej Universiti ditubuhkan dia boleh dengan perintah—

- (a) mengisytiharkan supaya ditubuhkan suatu institusi pelajaran tinggi yang mempunyai taraf Kolej Universiti yang menjadi suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud mengadakan, mengikut Akta ini dan Perlembagaan Kolej Universiti itu, pelajaran tinggi dalam cawangan pelajaran yang ditentukan;
- (b) memberikan nama kepada Kolej Universiti itu; dan

(c) menentukan letaknya tapak tempat Kolej Universiti itu akan didirikan.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh meminda, mengubah atau membatalkan sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) melalui suatu perintah yang kemudian yang disiarkan dalam *Warta*.

### **Perlembagaan Kolej Universiti**

**21.** (1) Yang di-Pertuan Agong boleh melalui peraturan-peraturan menetapkan Perlembagaan sesuatu Kolej Universiti.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh pada bila-bila masa meminda Perlembagaan sesuatu Kolej Universiti itu.

(3) Peruntukan Perlembagaan sesuatu Kolej Universiti hendaklah mula berkuat kuasa dari tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan hendaklah mempunyai kuat kuasa undang-undang dalam Malaysia.

(4) Apa-apa perkara yang dilakukan atau pelantikan yang dibuat untuk dan bagi pihak Kolej Universiti sebelum tarikh Perlembagaan itu mula berkuat kuasa hendaklah, pada dan selepas tarikh itu, disifatkan sebagai telah dibuat untuk, oleh atau bagi pihak Kolej Universiti itu.

### **Pemakaian peruntukan dalam Bahagian III kepada Bahagian ini**

**22.** Subseksyen 6(2), seksyen 7, 9, 10, 11, 13, 14, 15, 15A, 15B, 15D, 16, 16B, 16C dan 17 yang terpakai bagi sesuatu Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta ini hendaklah *mutatis mutandis* terpakai bagi sesuatu Kolej Universiti yang ditubuhkan atau disifatkan sebagai telah ditubuhkan di bawah Akta ini tertakluk kepada ubah suaian yang berikut, iaitu:

(a) sebutan mengenai “Universiti” hendaklah dibaca sebagai sebutan mengenai “Kolej Universiti”;

- (aa) sebutan mengenai “Lembaga” hendaklah dibaca sebagai sebutan mengenai badan eksekutif Kolej Universiti;
- (b) sebutan mengenai “Canselor”, “Naib Canselor” dan “Timbalan Naib Canselor” hendaklah dibaca sebagai sebutan mengenai pihak berkuasa yang berkenaan bagi Kolej Universiti itu;
- (c) sebutan mengenai “Pro-Canselor” hendaklah dipotong; dan
- (d) apa-apa ubah suaian lain yang perlu atau suai manfaat bagi melaksanakan seksyen ini.

#### BAHAGIAN IVA

#### DAFTAR DAN PANGKALAN DATA

#### **Kewajipan untuk menyenggarakan daftar**

**22A.** (1) Ketua Pengarah hendaklah menyimpan dan menyenggarakan atau menyebabkan supaya disimpan dan disenggarakan suatu Daftar Pengajian Tinggi Kebangsaan yang mengandungi butir-butir mengenai—

- (a) institusi pelajaran tinggi yang ditubuhkan di bawah seksyen 6;
- (b) program yang dijalankan atau disediakan oleh institusi pelajaran tinggi;
- (c) orang yang diberi ijazah peringkat kedoktoran, termasuk ijazah kedoktoran kehormat;
- (d) orang yang dilantik sebagai seorang profesor dan termasuk orang yang diberi gelaran Profesor Diraja atau Profesor Emeritus; dan
- (e) apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan pendidikan tinggi yang difikirkannya perlu.

(2) Ketua Pengarah boleh menjadikan Daftar Pengajian Tinggi Kebangsaan tersedia bagi pemeriksaan awam tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

(3) Seseorang boleh apabila fi sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dibayar—

(a) memeriksa Daftar Pengajian Tinggi Kebangsaan; dan

(b) membuat salinan atau mengambil cabutan daripada Daftar itu.

### **Kewajipan untuk menyenggarakan pangkalan data**

**22B.** (1) Tiap-tiap institusi pelajaran tinggi yang ditubuhkan di bawah seksyen 6 hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu pangkalan data yang mengandungi butir-butir mengenai—

(a) program yang dijalankan atau disediakan oleh institusi pelajaran tinggi;

(b) orang yang diberi ijazah peringkat kedoktoran, termasuk ijazah kodoktoran kehormat;

(c) orang yang dilantik sebagai seorang profesor dan termasuk orang yang diberi gelaran Profesor Diraja atau Profesor Emeritus; dan

(d) apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan pendidikan tinggi yang difikirkannya perlu.

(2) Pangkalan data yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah dijadikan boleh diakses oleh Menteri sebagaimana yang dikehendaknya.

## BAHAGIAN V

## AM

**Kesalahan menubuhkan Universiti atau Kolej Universiti**

**23.** (1) Tiada sesiapa jua boleh menubuhkan, membentuk atau memajukan atau membuat apa-apa perkara atau menjalankan apa-apa kegiatan bagi maksud menubuhkan atau membentuk atau memajukan penubuhan atau pembentukan sesuatu Universiti atau Kolej Universiti melainkan mengikut peruntukan Akta ini atau Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

(2) Sesiapa yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**Larangan tertentu terhadap “Universiti” atau “Kolej Universiti”**

**24.** (1) Tiada sesiapa jua boleh menubuhkan, mengurus atau menyelenggara sesuatu institusi pelajaran tinggi bertaraf “Universiti” atau “Kolej Universiti” melainkan jika ia adalah suatu institusi pelajaran tinggi yang ditubuhkan mengikut peruntukan Akta ini atau Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

(2) Tiada sesuatu institusi pelajaran tinggi atau sesiapa jua boleh mengeluarkan atau memberikan kepada sesiapa apa-apa ijazah atau diploma yang berupa sebagai ijazah atau diploma yang dikeluarkan atau diberikan oleh sesuatu Universiti atau Kolej Universiti melainkan jika pengeluaran atau pemberian itu mengikut peruntukan Akta ini atau Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

(3) Sesiapa yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Penyampaian**

**24A.** (1) Penyampaian apa-apa notis di bawah Akta ini hendaklah dilaksanakan melalui pos berdaftar kepada orang yang terjejas olehnya dan hendaklah disifatkan telah disampaikan pada hari yang mengikut hari notis itu sepatutnya terserah mengikut perjalanan biasa pos.

(2) Jika seseorang yang kepadanya dialamatkan suatu surat berdaftar yang mengandungi apa-apa notis yang boleh diberikan di bawah Akta ini diberitahu hakikat tentang adanya surat berdaftar yang menantinya di pejabat pos, tetapi orang itu enggan atau abai untuk mengambil surat berdaftar itu, notis itu hendaklah disifatkan telah disampaikan kepadanya pada tarikh dia dimaklumkan sedemikian.

### **Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**24B.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Universiti, Lembaga, Senat, mana-mana ahli Lembaga atau Senat, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pegawai atau pekerja Universiti berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaihan atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu.

### **Perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati**

**24c.** Tiada tindakan atau guaman boleh dimulakan atau dikekalkan di dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Lembaga;
- (b) ahli Lembaga;
- (c) Naib Canselor;
- (d) Timbalan Naib Canselor;
- (e) Senat;

- (f) ahli Senat;
- (g) pegawai atau pekerja Universiti; dan
- (h) seseorang yang diberi kuasa untuk bertindak bagi atau bagi pihak mana-mana badan atau orang di bawah perenggan (a) hingga (g),

bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati pada menunaikan kuasa dan kewajipannya di bawah Akta ini dengan semunasabahnya mempercayai bahawa tindakan itu adalah perlu bagi maksud yang diniatkan hendak dicapai melaluinya.

### **Pekhidmat awam**

**24D.** Semua ahli Lembaga dan Senat, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pegawai dan pekerja Universiti semasa menunaikan fungsi mereka sebagai ahli, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pegawai dan pekerja sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

### **Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan**

**24E.** Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) untuk menetapkan bentuk yang dalamnya suatu daftar hendaklah disimpan atau disenggarakan di bawah Akta ini, catatan yang hendaklah dibuat dalamnya, peruntukan bagi pemeriksaan dan pengambilan cabutan daripada daftar itu dan pembekalan salinan cabutan itu dan fi yang hendaklah dibayar bagi pemeriksaan, cabutan dan salinan itu masing-masing;
- (b) untuk menetapkan apa-apa perkara lain yang difikirkan suai manfaat atau perlu oleh Menteri bagi maksud Akta ini.

**Universiti yang sedia ada**

**25.** (1) Universiti Malaya yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Malaya 1961 [*Akta 682*] hendaklah disifatkan sebagai suatu Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta ini.

(2) Akta Universiti Malaya 1961, tertakluk kepada peruntukan Akta ini, hendaklah terus berkuat kuasa bagi maksud Universiti itu.

**Pengecualian**

**26.** Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*—

(a) mengecualikan mana-mana Universiti atau Kolej Universiti daripada mana-mana peruntukan Akta ini atau Jadual Pertama dan Kedua; atau

(b) mengubah mana-mana peruntukan Jadual Pertama dan Kedua dalam pemakaiannya bagi mana-mana Universiti atau Kolej Universiti.

**Pemansuhan**

**27.** Ordinan No. 74 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat, 1971 adalah dengan ini dimansuhkan.

---

## JADUAL PERTAMA

[Seksyen 8]

## PERLEMBAGAAN

**Nama**

1. Perlembagaan ini bolehlah dinamakan Perlembagaan Universiti .....

**Tafsiran**

2. (1) Dalam Perlembagaan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Alumni Universiti” ertinya Alumni Universiti yang ditubuhkan mengikut seksyen 22;

“Pihak Berkuasa” ertinya mana-mana Pihak Berkuasa Universiti yang disebut dalam seksyen 12, dan termasuk mana-mana Pihak Berkuasa yang ditubuhkan menurut Statut;

“Kerusi” ertinya jawatan profesor, bagaimana jua pun digelar;

“Konvokesyen” ertinya Konvokesyen yang diadakan mengikut seksyen 44;

